

Dr Shariff lancar Kempen Kibar Jalur Gemilang

LABUAN: Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang telah melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kebangsaan 2011 peringkat universiti itu, kelmarin.

Pada majlis itu, beliau menerima bendera Jalur Gemilang daripada Pegawai Psikologi, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), Nur Iman Reedzal pada Majlis Amanat Pengarah Kampus 2011 di Dewan Theatrette, UMS Labuan.

Dr Shariff kemudiannya menyerahkan bendera Jalur Gemilang kepada Dekan dan Ketua Bahagian sebelum melekatkan bendera negara itu di kenderaan rasmi universiti termasuk kereta Pengarah, van dan bas serta motosikal pelajar di pekarangan bangunan menara UMS-KAL.

Turut hadir Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Pendaftar, Kamisah Husin, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) SSIL, Yuzren Yushak dan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Dr Lim Kian Ping.

Hadir sama Ketua-Ketua Bahagian, pensyarah, pegawai kanan dan kakitangan sokongan UMS Labuan.


Dr Shariff berharap semua warga UMS-KAL akan melekatkan bendera Jalur Gemilang pada kenderaan, pejabat dan rumah masing-masing sebagai tanda cinta dan sayangkan negara ini.

Katanya, sebagai kakitangan sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA), mereka seharusnya menunjukkan contoh yang baik kepada pelajar dan masyarakat dengan mengibarkan bendera Jalur Gemilang sepanjang bulan kemerdekaan tahun ini.

"Sebagai kakitangan sebuah universiti awam, kita seharusnya menunjukkan cinta dan sayang kita kepada negara dengan mengibarkan bendera Jalur Gemilang dan melekatkannya di kenderaan, pejabat dan rumah sempena Hari Kebangsaan 2011," katanya. -

OLEH JAINUDIN DJIMN (jainudin@newsabahtimes.com.my)

NST 9.8.2011 6



JALUR GEMILANG.... Dr Shariff (tiga kiri) menerima Jalur Gemilang daripada Nur Iman (kiri) diperhatikan Yuzren (dari kanan), Dr Lim, Dr Ag Asri dan Kamisah.



SEMANGAT PATRIOTIK.... Dr Shariff (tengah baju Melayu) bersama warga UMS Labuan menyanyikan lagu-lagu patriotik sambil mengibarkan Jalur Gemilang sempena Kempen Kibar Jalur Gemilang 2011.